

04/04/2001

11 muka baru terajui Pemuda Umno Kedah

ALOR STAR, Selasa - Sekurang-kurangnya 11 daripada 15 bahagian Pemuda Umno di Kedah bakal diterajui muka baru apabila tujuh Ketua Pemuda tidak layak bertanding kerana melebihi had umur, manakala empat lagi tidak mempertahankan jawatan.

Bahagian berkenaan ialah Jerlun, Padang Terap, Kuala Kedah, Yan, Sungai Petani, Baling, Pokok Sena, Merbok, Alor Star, Pendang dan Sik.

Empat lagi bahagian, iaitu Langkawi, Pokok Sena, Kubang Pasu dan Kulim Bandar Baharu menyaksikan Ketua Pemuda mempertahankan jawatan masing-masing.

Berikutan itu, jika Ketua Pemuda empat bahagian berkenaan gagal mempertahankan jawatan, semua 15 bahagian Pemuda Umno Kedah bakal diketuai muka baru.

Tujuh Ketua Pemuda yang melebihi had umur ialah Ismail Tayib (Jerlun), Abdul Lateh Mohd Saman (Padang Terap), Abdul Halim Saad (Kuala Kedah), Datuk Mohd Suhaimi Abdullah (Yan), Shuib Taib (Sungai Petani), Abdul Wahab Din (Baling) dan Abdul Halim Mohamad (Pokok Sena).

Mereka yang tidak mempertahankan jawatan dan memberi laluan kepada muka baru pula ialah Datuk Mokhzani Mahathir (Merbok), Mohamad Roslan Ilamdin (Alor Star), Abdullah Bahari (Pendang) dan Hamlan Din (Sik).

Abdullah yang dicalonkan sebagai Naib Ketua bahagian tetapi belum membuat keputusan, berkata beliau memberi laluan kepada muka baru untuk menyambung perkhidmatannya menerajui Pemuda bahagian Pendang.

Mokhzani, walaupun layak bertanding kerana baru berusia 40 tahun berkata, beliau memberi laluan kepada pemimpin lebih muda dari kalangan Ahli Jawatankuasa Pemuda bahagian yang tinggal di Merbok.

"Saya tidak mengejar jawatan dan boleh memberikan sumbangan walaupun sebagai ahli biasa," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur.

Beliau bagaimanapun menyerahkan kepada ahli sama ada mahu melantiknya ke jawatan lain di sebarang peringkat di bahagian Merbok.

Mohamad Roslan dan Hamlan dikatakan tidak mempertahankan jawatan bagi memberi peluang kepada golongan pelapis meneruskan tugas mereka mengukuhkan parti.

Sementara itu, Nawawi Ahmad yang mempertahankan jawatan di Langkawi menang tanpa bertanding selepas lawannya gagal mendapat pencalonan yang mencukupi.

Nawawi turut mendapat pencalonan jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian tetapi belum membuat keputusan.

Muka baru yang menang tanpa bertanding pula ialah Safarudin Hanafiah (Sik) dan Najmudin Darus (Pendang).

Bahagian lain bakal menyaksikan pertandingan dua penjurua kecuali Padang Terap, Sungai Petani dan Merbok yang masing-masing mempunyai tiga calon.

Ketua Pemuda Pokok Sena, Ariffin Man bakal dicabar Haris Che Mat; Azimi Daim (Kulim-Bandar Baharu) ditentang Jasni Desa, manakala Mohd Radzi Ayob (Kubang Pasu) berhadapan dengan Izhar Ismail.

Azimi yang juga Ahli Majlis Tertinggi turut mengesahkan akan mencabar Hussein Abdul Rahman bagi jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian Kulim-Bandar Baharu.

(END)